



27 SEP, 2023

TNB unjur aliran tunai lebih baik

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

TNB unjur aliran tunai lebih baik

PETALING JAYA — Tenaga Nasional Bhd. (TNB) dijangka mengalami trend positif dalam pengurangan penerimaan Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT), berikutan penurunan harga arang batu.

Pengurangan harga arang batu global, digabungkan dengan pendekatan proaktif TNB untuk meningkatkan kutipan hasil telah meletakkan prospek aliran tunai lebih baik kepada syarikat.

Ini disokong oleh pinjaman RM6 bilion yang dijamin kerajaan untuk menstabilkan industri tenaga, yang secara bersama menyumbang kepada pengukuran aliran tunai dan tahap penggearan TNB pada separuh tahun pertama 2023.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din berkata, pengurusan kewangan berhemah membolehkan syarikat memberi ganjaran kepada pemegang saham.

"Ia menerusi dividen interim sebanyak 18 sen, yang merangkumi 49.4 peratus daripada Pelarasan Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Penambahbaikan dalam akaun ICPT digariskan oleh pemuliharan



BAHARIN ketika sesi taklimat bersama penganalisis berhubung prestasi syarikat bagi suku tahun kedua 2024 baru-baru ini.

kos ICPT sebanyak RM10.4 bilion bagi tempoh Januari hingga Jun 2023. TNB juga dijangka akan memperoleh semula RM4.7 bilion kos ICPT daripada kerajaan pada separuh kedua tahun ini.

Berdasarkan arah aliran harga bahan api semasa, TNB menganggarkan pemulihan kira-kira RM7 bilion daripada ICPT bagi

separuh pertama tahun kewangan 2024.

Bagi tempoh separuh tahun pertama berakhir 30 Jun 2023, TNB melaporkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM1.2 bilion, manakala hasil menyaksikan peningkatan 3.8 peratus kepada RM25.95 bilion berbanding tempoh sama pada 2022.